

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 MARCH 2015

## PM beriadah sejam <sup>BH</sup> bersama warga kota <sup>15/3/2015</sup> di Taman Botani Perdana

**Kuala Lumpur:** Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di gerai Nasi Lemak Tanglin di Taman Tasik Perdana, di sini yang kini dikenali sebagai Taman Botani Perdana pada hujung minggu menarik perhatian pengunjung lain.

Lengkap berpakaian sukan putih dan biru yang dipadankan dengan kasut larian rona putih, beliau yang menghabiskan masa bersenam selama sejam di taman berkenaan turut berbaris untuk memesan hidangan sarapan pagi.

Penulis, Ahmad Kamal Abu Bakar dalam tulisannya, *A Walk Down Memory Lane* menyebut, orang ramai yang berada di gerai berkenaan turut tidak melepaskan peluang untuk bergambar dan beramah mesra dengan Perdana Menteri.

Dalam kesibukan menjalankan tanggung jawab sebagai Perdana Menteri, kata penulis itu, Najib cuba bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dan mengakui saiz pinggangnya kini berkurangan sebanyak tujuh sentimeter.

### Najib bersiar-siar

Najib memilih untuk bersiar-siar di taman berkenaan di mana beliau boleh bertemu orang ramai dan berjalan melalui lorong yang penuh memori sambil mengimbau kenangan zaman kanak-kanak di mana beliau dibesarkan

tidak jauh dari gerai nasi lemak yang terletak di bawah pokok ceri di situ.

Beliau adalah salah seorang pelanggan tetap nasi lemak yang ketika itu hanyalah sebuah gerai kecil di Jalan Tanglin sebelum ia berkembang maju seperti hari ini.

Dari Bangunan Sri Taman, kediaman rasmi Almarhum bapanya, mantan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, Najib sering berbasikal ke untuk membeli nasi lemak kegemarannya di gerai berkenaan.

"Saya lebih lasak daripada anak-anak saya," katanya dipetik penulis ketika berkongsi kenangan lama yang manis kepada pemilik Nasi Lemak Tanglin, Zainal Abidin.

"Ketika itu, sebungkus nasi lemak hanya 30 sen," katanya yang masih mengingati wanita berambut panjang dan murah senyuman yang berniaga di bawah pokok ceri dulu.

Wanita itu adalah ibu kepada Zainal yang meninggalkan resipi keluarga mereka kepadanya dan kini diteruskan oleh anak perempuan Zainal yang juga generasi ketiga dinasti Nasi Lemak Tanglin.

Sambil menikmati sarapan, beliau turut dihiburkan dengan irama muzik dimainkan kumpulan penyanyi jalanan di situ dan sempat meminta beberapa lagu Bruno Mars dimainkan.



Najib beramah mesra dengan orang ramai yang beriadah di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur.